



NEWSLETTER


Sejarah Terengganu Darul Iman

Terdapat beberapa siri penceritaan mengenai Negeri Terengganu yang telah diperolehi antaranya penceritaan yang didengari daripada Marhum Baginda (Sultan Umar, Sultan Terengganu yang ke sembilan memerintah 1839-1875, kononnya pada zaman dahulukala terdapat rombongan dari Negeri Pahang mengembara di sebelah Ulu Terengganu kerana memburu. Apabila angkatan itu sampai ke sungai Terengganu Mati, seorang daripadanya ada berjumpa sebatang taring, kata seorang di antara mereka; "Taring apakah?, jawab seorang lain " Taring anu" kerana tidak ingat hendak menyebut namanya, dan kisah perbualan antara mereka habis begitu sahaja. Selang beberapa hari kemudian, kumpulan itu ada berjumpa pula dengan seekor rusa dan dapat dibunuhnya. Apabila orang-orang yang berjumpa rusa itu membawa balik perburuannya ke tempat perhentian mereka, maka bertanyalah masing-masing "di manakan dapat rusa itu? Jawab mereka yang berburu " di tempat taring anu". Ada pula di antara kumpulan itu berjumpa kayu gaharu, apabila ditanya; jawabnya di tepi sungai taring anu", lama kelamaan lekatlah dipanggil nama "Terengganu".

Selain itu terdapat juga cerita mengenai rombongan dari Kelantan yang belayar sampai di Kuala Sungai Taring Anu. Sesampainya mereka di waktu petang, hari pun sangat redup dan gelap serta hujan renyai-renyai. Kebetulan di waktu itu ada cahaya terang di awan-awan langit dipanggil orang " Ular Mayang" orang Kelantan kata "Pelangi". Mereka pun bertanya : Di sini orang panggil apa? Jawab orang negeri ini: "Kami panggil ganu". Kata mereka:"terang sungguh ganu di sini". Apabila mereka itu balik ke Kelantan, mereka pun bercerita "Negeri jiran kita bukan main terang ganu di sana serta diterangnya erti ganu itu. Cerita yang seterusnya adalah mengenai Batu bersurat yang dijumpai di kampong Buloh, Kuala Berang, kira-kira tahun 1887M yang menunjukkan tulisan perkataan Terengganu iaitu "Terenkanu" dan di atas duit timah (pitis) yang bertariikh 1310H(1891M) ejaannya adalah "Terkanu".





Negeri Terengganu Darul Iman adalah salah sebuah negeri yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Di bahagian selatan dan barat daya pula bersempadan dengan Pahang. Keluasan negeri Terengganu sekarang kira-kira 1,295,638.3 hektar / 1,295,512.1 hektar. Jaluran pantainya menganjur sejauh 225 kilometer dari Utara (Besut) ke selatan (Kemaman).



PENDUDUK TERENGGANU

Banci Penduduk dan Perumahan 2010, menunjukkan penduduk Terengganu seramai 1.1 juta orang yang mana 98 peratus adalah warganegara dan 2 peratus lagi bukan warganegara. Pola pertumbuhan diteruskan dalam membuat unjuran sehingga tahun 2020 bagi tujuan penganalisaan namun begitu sejauhmana pola berkenaan diteruskan dapat dilihat pada hasil akhir pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan pada tahun 2020. Kadar Pertumbuhan penduduk adalah antara 2.2 hingga 1.9 peratus secara tahunan.

PERANGKAAAN PENDUDUK TERENGGANU, 2010 - 2020



Komposisi penduduk Terengganu berdasarkan umur dan jantina menunjukkan lelaki mendominasi peringkat umur 0 hingga 44 tahun. Selepas umur 45 tahun perempuan mengambilalih dominasi sehingga umur 85 tahun ke atas dengan purata sebanyak 1 peratus perbezaan umur antara lelaki dan perempuan.

Penyataan ini juga dapat dilihat berdasarkan Jangkaan Hidup Semasa Lahir mengikut jantina di mana jantina lelaki dianggarkan hidup sehingga umur 69.5 tahun manakala wanita pula 75.1 tahun.

KELAHIRAN DAN KEMATIAN

Berdasarkan Perangkaan Penting, Kelahiran Hidup di Terengganu adalah sejumlah 28,242 iaitu nisbah kelahiran hidup berbanding kematian adalah 3 nisbah 1 bagi tempoh satu jam. Purata umur ibu bersalin bagi kelahiran pertama untuk Negeri Terengganu ialah 27.4 tahun dan kadar kesuburan pula adalah 3.4 bagi setiap 1,000 orang penduduk wanita yang berumur di antara 15 tahun hingga 49 tahun.

Statistik kematian Negeri Terengganu adalah sejumlah 7,099 orang bagi tahun 2018. Kadar kematian kasar bagi lelaki Terengganu adalah 6.5 manakala perempuan adalah 5.1 pada tahun yang sama. Kelahiran mati pada tahun 2018 adalah seramai 122 orang manakala kadar kematian bawah 5 tahun adalah 7.3 (per 1,000 kelahiran hidup) dan Kadar Kematian bayi bawah satu tahun adalah 6.1 (per 1,000 kelahiran hidup).



3 Kelahiran Hidup Per Jam



1 Kematian Per Jam



JUMLAH KEMATIAN: 7,099

KELAHIRAN HIDUP: 28,242

KADAR KEMATIAN BAWAH 5 TAHUN: 7.3 (per 1,000 live births)

KADAR JUMLAH KESUBURAN: 3.1 (per 1,000 woman age 15-49 years)



PURATA UMUR IBU BERSALIN KALI PERTAMA : 27.4 YEARS

KADAR KEMATIAN KELAHIRAN: 6.1 (per 1,000 live births)





Matlamat Pembangunan Lestari merupakan satu jenis rangka tindakan ke arah mencapai masa depan yang lebih baik dan lestari bagi semua peringkat. Terdapat 17 matlamat yang telah ditetapkan bagi merealisasikan pembangunan berkenaan. Salah satu Matlamat Pembangunan Lestari adalah KESIHATAN YANG BAIK DAN BERTAMBAH BAIK dalam usaha memastikan kehidupan yang sihat dan mempromosikan kesejahteraan bagi semua peringkat umur adalah utama dalam meneruskan pembangunan secara berterusan.

Pelan Pembangunan Matlamat Pembangunan Lestari Yang Ketiga; KESIHATAN YANG BAIK DAN BERTAMBAH BAIK menyentuh 3 sub-perkara yang berkaitan kematian yang dikelaskan di bawah Statistik Penting iaitu:

- Menjelang 2030, mengurangkan nisbah kematian ibu global kepada kurang daripada 70 per 100,000 kelahiran hidup
- Menjelang 2030, pencegahan kematian bayi baru lahir dan kanak-kanak di bawah usia 5 tahun, dengan semua negara menasaskan kematian neonatal kepada sekurang-kurangnya serendah 12 per 1.000 kelahiran hidup dan kematian di bawah 5 hingga sekurang-kurangnya serendah 25 per 1.000 hidup kelahiran
- Menjelang 2030, pengurangan sebanyak satu pertiga kematian pramatang dari penyakit tidak berjangkit melalui pencegahan dan rawatan serta meningkatkan kesihatan mental dan kesejahteraan

SEBAB UTAMA KEMATIAN (HANYA DISAHKAN OLEH PENGAMAL PERUBATAN)

Berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Lestari usaha untuk mengurangkan kadar kematian yang disebabkan oleh kemalangan kenderaan. Mengikut statistik yang dikeluarkan pada tahun 2017, Negeri Terengganu melaporkan salah sebab utama kematian ialah kematian yang disebabkan oleh kemalangan kenderaan sebanyak 5.3 peratus iaitu bersamaan dengan sejumlah 218 orang.

Kematian yang disebabkan oleh kemalangan kenderaan berada pada tangga keempat di Negeri Terengganu. Secara keseluruhan daerah Negeri Terengganu mencatatkan kematian yang disebabkan oleh kenderaan berada pada tangga yang keempat kecuali dua daerah iaitu daerah Kemaman dan Kuala Nerus.

SEBAB UTAMA KEMATIAN NEGERI TERENGGANU

- ✓ ISCHAEMIC HEART DISEASES (12.9%)
- ✓ PNEUMONIA (12.9%)
- ✓ CEREBROVASCULAR DISEASES (9.4%)
- ✓ TRANSPORT ACCIDENTS (5.3%)
- ✓ DISEASES OF THE LIVER (2.0%)

Kemaman mencatatkan kematian sebab utama kematian di daerah berkenaan adalah disebabkan oleh Pneumonia (12.3%), Ischaemic Heart Diseases (11.0%), Transport Accidents (6.7%), Cerebrovascular Diseases (6.2%) dan Chronic Lower Respiratory Diseases (2.9%).

Kuala Nerus pula menyatakan sebab utama kematian di daerah berkenaan adalah disebabkan oleh Cerebrovascular Diseases (16.1%), Ischaemic Heart Diseases (12.1%), Pneumonia (1.10%), Diseases of Level (3.8%) dan Transport Accidents (2.7%).

Berdasar kepada Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2019, jumlah tempat kediaman di Negeri Terengganu adalah sebanyak 290.3 ribu buah dengan jumlah isi rumah sebanyak 270.3 ribu orang.

Penduduk Negeri Terengganu berbelanja untuk perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain sebanyak 18.2 peratus dari Komposisi Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Purata mengikut Kumpulan Utama.

JUMLAH TEMPAT
KEDIAMAN
290.3 RIBU




JUMLAH ISI RUMAH
270.3 RIBU




PURATA SAIZ ISI RUMAH
4.8 ORANG



PERATUSAN PEMILIKAN ISI RUMAH, 2019



PERATUSAN PENAWARAN TEMPAT KEDIAMAN BERDASARKAN JENIS, 2019



Berdasarkan Laporan Stok Harta Kediaman, NAPIC, Jabatan Penilaian, Kementerian Kewangan Malaysia Suku Tahun Kedua 2019 mendapati stok unit kediaman yang telah tersedia di Negeri Terengganu adalah 100,878 unit manakala penawaran unit adalah sebanyak 12,358 unit.

Penawaran unit ini meliputi 37 peratus bagi tempat kediaman teres, 21 peratus tempat kediaman berkembar, 18 peratus kediaman sesebuah, kos rendah 10 peratus, kondominium 8 peratus, flat 4 peratus dan rumah bandar 2 peratus.


Pemilikan tempat kediaman di Negeri Terengganu berdasarkan kepada penyiasatan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mendapati sebanyak 86.5 peratus tempat kediaman dimiliki oleh rakyat Terengganu manakala 10.8 peratus adalah disewa dan 2.7 peratus adalah tempat kediaman kuarters.

Daerah yang mempunyai tempat kediaman yang tertinggi dimiliki oleh rakyat Terengganu adalah daerah Marang dan Kuala Nerus. Daerah Setiu menunjukkan peratusan tertinggi dalam penyewaan tempat kediaman dan Dungun pula menunjukkan peratusan tertinggi bagi tempat kediaman kuarters.



Tenaga buruh di Terengganu meningkat dengan purata pertumbuhan tahunan 2.8 peratus antara tahun 2010 hingga 2019. Sejumlah 488.2 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2019 berbanding 470.3 ribu orang pada tahun 2018. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja turut meningkat kepada 471.0 ribu orang pada tahun 2019 daripada 447.8 ribu orang pada tahun 2018

KADAR PENGANGGURAN NEGERI TERENGGANU, 2015 - 2019



JUMLAH TENAGA
BURUH:
488.2 RIBU

2015 2016 2017 2018 2019

Tenaga buruh di Terengganu meningkat dengan purata pertumbuhan tahunan 2.8 peratus antara tahun 2010 hingga 2019. Sejumlah 488.2 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2019 berbanding 470.3 ribu orang pada tahun 2018. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja turut meningkat kepada 471.0 ribu orang pada tahun 2019 daripada 447.8 ribu orang pada tahun 2018

Kadar Penyertaan Tenaga buruh bagi tahun 2019 adalah 61.1 peratus meningkat dari tahun 2018 sebanyak 0.9 peratus. Kadar pengangguran bagi tahun 2019 telah menurun dari 4.8 peratus kepada 3.5 peratus iaitu sejumlah 17,200 pengangguran yang dilaporkan.

GUNA TENAGA MENGIKUT PEKERJAAN

Pekerjaan	Tahun	
	2018	2019
Pengurus	12.4	11.5
Profesional	52.9	54.5
Juruteknik dan profesional bersekutu	36.8	37.5
Pekerja sokongan perkeranian	31.2	29.3
Pekerja perkhidmatan dan jualan	122.9	136.6
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan	34.4	34.3
Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	84.4	85.5
Operator mesin dan loji, dan pemasang	28.2	31.0
Pekerja asas	44.7	50.7
Jumlah	447.8	471.0

Jika dilihat dari data Penyiasatan yang telah dijalankan pada tahun 2019, jumlah gunatenaga telah meningkat sebanyak 5.2 pratus dari tahun sebelumnya. Peningkatan paling ketara adalah sebanyak 13 peratus bagi pekerjaan pekerja asas dan diikuti sebanyak 10 peratus bagi pekerjaan operator mesin, loji dan pemasang

Namun begitu disebalik peningkatan jumlah gunatenaga terdapat juga kejatuhan bagi pekerjaan pengurus sebanyak 7 peratus dan diikuti oleh pekerjaan sokongan perkeranian sebanyak 6 peratus.

Berdasarkan kepada Banci Penduduk dan Perumahan 2010, peratusan tertinggi gunatenaga tertumpu ke sektor pembinaan (54.4%) dan diikuti oleh sektor perdagangan borong dan borong sebanyak 49.9 peratus. Namun begitu pola gunatenaga berubah kepada sektor perdagangan borong dan borong (80.0%) dan diikuti sektor pembinaan (64.4%).





Berdasarkan Penyiasatan Perbelanjaan dan Pendapatan Isi Rumah 2019, penduduk Negeri Terengganu kebanyakannya tergolong dalam kelas pendapatan RM3,000 hingga RM3,999 dengan peratus sebanyak 18.9 peratus. Purata pendapatan rakyat Negeri Terengganu pada tahun 2019 adalah sebanyak RM6,815 yang mana purata pendapatan penduduk di bandar sebanyak RM7,307 dan penduduk luar bandar sebanyak RM5,742. Penemuan Penyiasatan yang dijalankan mendapati kumpulan etnik cina mempunyai purata pendapatan yang paling tinggi iaitu RM8,473 melebihi dari purata pendapatan bagi keseluruhan Negeri Terengganu, namun begitu bagi etnik melayu pula bagi berada dalam lingkungan purata pendapatan Negeri sebanyak RM6,751.

Daerah yang mempunyai purata pendapatan yang tertinggi adalah daerah Kemaman dengan purata pendapatan adalah sebanyak RM7,854 dan diikuti oleh Kuala Nerus sebanyak RM7,647 manakala daerah yang paling rendah adalah daerah Hulu Terengganu sebanyak RM5,363. Agihan pendapatan yang paling tinggi adalah daerah Kemaman sebanyak 21.5 peratus dan yang paling rendah daerah Setiu sebanyak 4.3 peratus.

PERBANDINGAN KEMISKINAN 2016 DAN 2019

(%)

Strata <i>Strata</i>	Insiden kemiskinan mutlak <i>Incidence of absolute poverty</i>		Insiden kemiskinan relatif <i>Incidence of relative poverty</i>	
	2016	2019	2016	2019
TERENGGANU	6.8	6.1	10.2	8.2
Bandar/Urban	4.7	5.5	8.2	6.6
Luar bandar/Rural	10.8	7.4	14.1	11.7

Nota/Note:
Insiden kemiskinan relatif menggunakan $\frac{1}{2}$ nilai penengah pendapatan

Berdasarkan jadual yang dikeluarkan di atas Insiden Kemiskinan Mutlak telah jatuh sebanyak 0.7 peratus namun begitu berlaku peningkatan bagi kawasan bandar sebanyak 0.8 peratus. Ini menunjukkan penduduk di kawasan bandar mengalami tahap kemiskinan mutlak berbanding dengan kawasan bandar. Bagi Insiden Kemiskinan Relatif pula kejatuhan sebanyak 2 peratus bagi Negeri Terengganu termasuk kawasan bandar dan luar bandar berbanding tahun 2016.

Daerah yang mengalami kenaikan Insiden Kemiskinan Mutlak adalah daerah Dungun, Kemaman dan Hulu Terengganu manakala daerah yang mengalami kenaikan Insiden Kemiskinan Relatif adalah Hulu Terengganu. Sekiranya dilihat pada senario kedua-dua Insiden Kemiskinan ini, Hulu Terengganu mencatat peningkatan indeks kemiskinan dan ia mungkin doleh dikaitkan dengan statistik sosio ekonomi penduduk di daerah ini yang kebanyakan tertumpu di sektor pertanian.



SEKOLAH
MENENGAH:

102,477



BILANGAN
GURU:
10,648



BILANGAN
SEKOLAH:
162



SEKOLAH
RENDAH:

127,859

11,631

356

Pendidikan tidak hanya tertakluk kepada sekolah yang menyediakan kurikulum yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, ia juga melibatkan pendidikan pra-sekolah, tabika, pendidikan rendah dan pendidikan menengah. Kerajaan telah menyediakan prasarana bagi memberi pendidikan kepada penduduk Negeri Terengganu berdasarkan kepada kategori pra-sekolah (43%), tabika (11%), Sekolah rendah (31%) dan Sekolah Menengah (14%).

Penyediaan prasarana ini tidak dapat dilaksanakan sekiranya tiada piawaian dalam penyediaan dan maklumat yang diperlukan bagi memenuhi piawaian yang ditetapkan. Sehubungan itu, taburan penduduk hasil dari banci atau penyiasatan yang dilaksanakan oleh Jabatan amat diperlukan bagi tujuan tersebut. Sekiranya dilihat pada piawaian yang ditetapkan setiap sekolah rendah adalah seramai 800 orang murid dan kapasiti penduduk 3,000 hingga 7,500 orang manakala bagi sekolah menengah pula satu pembinaan sekolah menengah memerlukan 1,260 orang murid dan taburan penduduk seramai 15,000 orang.

PIAWAIAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN PENDIDIKAN

Jenis kemudahan	Piawaian
Tadika	Tadahan penduduk 2,500 penduduk Jarak dengan kawasan penempatan hendaklah dalam jarak berjalan kaki 0.2 km hingga 0.4 km atau 5 minit berjalan kaki
Sekolah Rendah	Tadahan penduduk 3,000-7,500 orang penduduk Jarak sekolah rendah dengan kawasan penempatan hendaklah dalam jarak berjalan kaki 0.4 km hingga 0.8 km atau 10 minit berjalan kaki Saiz kelas 35 pelajar/ kelas Satu sesi persekolahan Nisbah sekolah 1/800 orang murid
Sekolah Menengah	Tadahan penduduk 15,000 penduduk Dalam jarak berjalan kaki 0.4 km hingga 0.8 km atau 5 hingga 10 minit berjalan kaki Saiz kelas 35 pelajar/kelas. Nisbah sekolah 1/1260 orang murid Satu sesi persekolahan

Sumber: Diubahsuai daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenajung Malaysia, 2013.
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor, 2010.

Sekiranya analisis perbandingan dilaksanakan terdapat percanggahan berdasarkan kepada maklumat di atas, namun begitu pembinaan prasarana pendidikan tidak mengambilkira keseluruhan murid dan penduduk Negeri Terengganu. Pembinaan prasarana pendidikan dikira berdasarkan taburan penduduk mengikut mukim dan berkemungkinan akan wujud sekolah rendah atau yang mempunyai murid yang rendah berbanding piawaian yang dibentuk semasa pembangunan prasarana berkenaan dilaksanakan.

Negeri State	Prasekolah ^a Pre-school	Tadika swasta Private kindergarten	Sekolah rendah Primary school			Sekolah Menengah Secondary school		
			Jumlah Total	Kerajaan Government	Swasta Private	Jumlah Total	Kerajaan Government	Swasta Private
Malaysia	9,488	7,543	7,892	7,774	118	2,594	2,433	161
Kelantan	734	235	424	418	6	183	177	6
Pahang	760	248	547	541	6	202	197	5
Terengganu	496	131	356	352	4	162	151	11



Kemudahan kesihatan bukan sahaja melibatkan prasarana sahaja tetapi juga ia meliputi tenaga kerja pengamal perubatan, bilangan hospital dan kelengkapan yang mencukupi bagi menampung keperluan penduduk setempat. Pembinaan prasarana kesihatan secara tidak langsung berpandukan kepada maklumat yang dibekalkan oleh pihak Jabatan kepada agensi dalam penyediaan dan pembangunan dasar-dasar kerajaan. Maklumat yang jelas diperlukan dalam penyediaan prasarana kesihatan adalah bilangan penduduk berdasarkan kepada sesuatu kawasan yang diliputi.

BILANGAN TENAGA KERJA, FASILITI KESIHATAN TERENGGANU 2018



2,565
DOKTOR

* Meliputi bilangan doktor kerajaan, swasta dan doktor gigi



4,676
JURURAWAT

* Meliputi bilangan jururawat kerajaan, swasta dan jururawat desa



1,834
BILANGAN KATIL



FASILITI KESIHATAN



Berdasarkan kepada kenyataan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba pada media sosial bertarikh 4 Ogos 2020, nisbah doktor kepada penduduk adalah 1:454 yang mana 73 peratus daripadanya bekerja di Kementerian Kesihatan (KKM). Bagi kategori doktor pergigian pula nisbahnya kepada penduduk adalah bersamaan dengan 1:2,963 yang mana 59 peratus berdaftar dan berkhidmat di KKM. "Bagi ahli farmasi pula, seramai 19,341 bekerja di sektor awam dan swasta, menjadikan nisbah ahli farmasi kepada penduduk bersamaan dengan 1:1,694

GARIS PANDUAN KHUSUS HOSPITAL

Terdapat beberapa perkara yang diperlukan berdasarkan maklumat namun begitu bilangan penduduk meruparakan perkara penting yang diperlukan oleh pengkaji dan pihak Kementerian dalam usaha untuk membangunkan selain daripada kawasan yang strategik dari segi infrastruktur.

Jadual di sebelah adalah Garis Panduan bagi pembangunan Hospital di kawasan yang diklasifikasikan kawasan A dan B. Selain itu, Garis Panduan bagi pembinaan Klinik kesihatan juga ada disediakan sebagai panduan kepada pengkaji dalam meneruskan permohonan pembangunan prasarana kesihatan di kawasan berkenaan.

Kategori	Hospital (Di Kawasan Kategori A)*						Hospital (Di Kawasan Kategori B)					
	>400,000	300,000 - 400,000	200,000 - 300,000	100,000 - 200,000	45,000 - 100,000	<45,000	>300,000	200,000 - 300,000	100,000 - 200,000	50,000 - 100,000	30,000 - 50,000	<30,000
Bilangan Penduduk	>400,000	300,000 - 400,000	200,000 - 300,000	100,000 - 200,000	45,000 - 100,000	<45,000	>300,000	200,000 - 300,000	100,000 - 200,000	50,000 - 100,000	30,000 - 50,000	<30,000
Bilangan Katil	>800	600 - 800	400 - 600	200 - 400	90 - 200	<90	>600	400 - 600	200 - 400	100 - 200	60 - 100	<60
Keluasan Tapak Minimum	12 hek (>30 ek)	10 hek (25 ek)	8 hek (20 ek)	6 hek (15 ek)	4 hek (10 ek)	3 hek (7.5 ek)	12 hek (>30 ek)	12 hek (30 ek)	8 hek (20 ek)	8 hek (20 ek)	4 hek (10 ek)	4 hek (10 ek)
Komponen Utama	- Perkhidmatan Pesakit Luar – Jabatan Kecemasan, klinik pakar. - Perkhidmatan Pesakit Dalam – wad pesakit (wad pesakit biasa dan wad rawatan intensif). - Perkhidmatan Rawatan dan Diagnostik – Pengimejan, patologi, mortuari, bilik bersalin, dewan bedah, rawatan harian, Unit Hemodialisis dan lain-lain. - Perkhidmatan Sokongan Perubatan – Farmasi, Unit Bekalan dan Penselitan, Unit Rehabilitasi Perubatan, stor perubatan dan lain-lain.						- Perkhidmatan Sokongan Lain – catering, kejuruteraan, linen dan lain-lain. - Penadbiran Hospital. - Latihan. - Kemudahan kakitangan – tempat letak kereta kakitangan, kuarters, bilik doktor aras panggilan dan lain-lain.					
Komponen Kemudahan Sokongan Awam	- Tempat letak kereta awam. - Kantin/kafeteria. - Pusat asuhan kanak-kanak. - Surau. - Bilik/ruang rehat. - Laluan pejalan kaki. - Tempat menunggu. - Taman awam dan taman permainan kanak-kanak.											

Sumber: Kajian Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JPBD SM, 2011 dan Kementerian Kesihatan Malaysia, 2011

Ketidaktepatan maklumat yang dibekalkan berkaitan dengan penduduk termasuk unjuran penduduk oleh Jabatan akan memberi impak yang besar dalam pembangunan Negeri secara amnya dan secara khususnya kepada Negara. Ini adalah sejajar dengan pemenuhan Pelan pembangunan Lestari dalam membekalkan kesihatan kepada masyarakat.

